

# Negara berdepan cabaran besar ekonomi suku kedua

Tumpu inflasi, pengangguran, pacu semula pertumbuhan: Penganalisis

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Ekonomi** Malaysia akan berdepan dengan cabaran besar pada suku kedua tahun ini dengan jangkaan peningkatan kadar inflasi, pengangguran dan pertumbuhan sektor luaran, kata ahli ekonomi.

Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi dan Politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata impak sebenar adalah pada suku kedua, kerana pada suku pertama hanya mengambil kira dua minggu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, perkara yang perlu diambil perhatian menuju ke hadapan adalah kadar inflasi, kadar pengangguran dan pertumbuhan sektor luaran.

“Kadar inflasi yang begitu rendah (deflasi) akibat kejatuhan harga minyak dunia, peningka-

tan dalam kadar pengangguran akibat PKP dan penguncupan yang ketara dalam sektor luaran akibat daripada penutupan sempadan perlu diberi perhatian.

“Di sinilah strategi yang akan dirangka dalam pelan pemulihan ekonomi perlu ditumpukan supaya ekonomi kita dapat diaktifkan semula bermula seawal separuh kedua tahun ini dan seterusnya pada 2021,” katanya kepada *BH*.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff juga turut menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan kekal perlahan pada suku kedua ini.

Namun, beliau berkata, ekonomi negara dijangka masih menunjukkan pertumbuhan positif.

“Walaupun sepanjang April banyak sektor masih tidak dapat beroperasi, bermula Mei ini banyak sektor sudah dibenarkan untuk kembali beroperasi.

“Ekonomi negara akan mula mengalami pemulihan, terutama bermula Jun nanti,” katanya.

Ahmed Razman berkata, faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan sederhana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) itu disebabkan Malaysia hanya melaksanakan PKP pada 18 Mac lalu, bermakna sepanjang Januari, Februari dan separuh pertama



**Ekonomi negara akan mula mengalami pemulihan, terutama bermula Jun nanti.**

**Ahmed Razman Abdul Latiff,**  
Pengurus Pembangunan  
Perniagaan Putra  
Business School

Mac, negara masih lagi mampu menjana ekonominya khususnya melalui sektor perkilangan.

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berkata pertumbuhan ekonomi suku kedua 2020 dijangka lebih tinggi berbanding suku pertama.

Beliau berkata, jika semuanya

berada dalam landasan yang betul, ekonomi Malaysia dijangka akan mencatat pertumbuhan positif untuk keseluruhan 2020.

“Tempoh PKP pada April 2020 memberi impak besar kepada prestasi dan kedudukan ekonomi negara. Kesannya dapat dicerap pada suku kedua 2020,” katanya.

Penganalisis ekonomi, Profesor Emiratus Datuk Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata angka KDNK suku pertama selari dengan situasi semasa ekonomi negara dan dunia kerana pertumbuhan perlahan semua sektor.

Beliau berkata, kebanyakan sektor menguncup, malah ada mencatatkan pertumbuhan negatif, manakala permintaan domestik lebih rendah daripada suku sebelumnya.

“Kecuali penggunaan isi rumah dan penggunaan sektor awam, semua komponen permintaan domestik secara puratanya menguncup.

“Pelaburan swasta dan awam, kedua-duanya jatuh. Eksport bersih merosot teruk. Pertumbuhan 0.7 peratus itu berdasarkan kiraan tahunan tetapi jika berdasarkan kiraan sukuan, ekonomi sudah pun menguncup, -2.0 peratus.

“Saya menjangkakan suku kedua lebih teruk kerana impak COVID-19 dan fasa PKP diperolehi secara lengkap,” katanya.